

10 JUL 1997

Gujral-Asean

PERDANA MENTERI INDIA AKAN HADIRI PADA DUA MESYUARAT ASEAN DI MALAYSIA

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri India, Inder Kumar Gujral, yang juga Menteri Luar, akan menghadiri dua mesyuarat mengenai Asean yang akan diadakan di Kuala Lumpur akhir bulan ini.

Keputusan beliau untuk menghadiri sendiri mesyuarat-mesyuarat itu dijangka memberi petanda kuat mengenai pentingnya kepesatan ekonomi rantau itu kepada India sebagai sebahagian dari dasar "pandang ke timurnya", menurut sumber Kementerian Luar.

Gujral akan menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) pada 24 dan 25 Julai dan juga Forum Serantau Asean (ARF) pada 27 Julai.

Beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertingkatkan hubungan India-Malaysia.

Lawatan ke Malaysia itu juga akan memberi peluang kepada Gujral untuk menemui para menteri luar dari 17 negara -- tujuh anggota Asean dan 10 rakan dialog Asean.

Mereka termasuk Menteri Luar Rusia Yevgeni Primakov dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright.

Asean mengandungi Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand, Singapura dan Vietnam.

Tahun lepas Gujral juga menghadiri ARF dan mesyuarat selepas persidangan peringkat menteri Asean sebagai Menteri luar di bawah kerajaan Deve Gowda.

Walaupun lawatan ke Malaysia itu menjadi topik hangat di sini, butir-butir terperinci mengenai atur caranya belum lagi diumumkan secara rasmi.--BERNAMA

MP WAT